



PROSIDING

*Seminar Kebangsaan
Pemikiran Raja Ali Haji*
"KE ARAH PENCERDASAN PEMIKIRAN UMAT"

PENYELENGGARA:

DR. MOHD. HANAFI BIN IBRAHIM
FAEZAH BINTI MUHAYAT
FATHENWAN BINTI WAN MOHD NOR
SAIFULLIZAN BIN YAHAYA



PROSIDING

SEMINAR KEBANGSAAN PEMIKIRAN RAJA ALI HAJI

"Ke Arah Pencerdasan Pemikiran Umat"

Penyelenggara:

*Dr. Mohd. Hanafi bin Ibrahim
Faezah binti Muhyat
Fathenwan binti Wan Mohd Nor
Saifullizan bin Yahaya*

Dewan Bahasa dan Pustaka
2015

KANDUNGAN

Prakata

Ahmad Zaki Haji Abd. Latiff	1
Falezah Basri Aspek Kesufian dalam karya Raja Ali Haji (1808-1873M)	
Khalif Muammar A. Haris	19
Sistem Kehakiman Islam dalam Karya Raja Ali Haji	
Wazzainab Ismail	50
Hafida Mohamed Nordin Mengembalikan Kecemerlangan Ulama Suatu Cabaran bagi Umat Menerusi Perspektif Raja Ali Haji	
Arba'iyah Mohd. Noor	69
Pemikiran Sejarah Raja Ali Haji Menerusi <i>Tuhfat ul-Nafis</i> Karya Ulung Kesultanan Johor-Riau-Lingga	
Ayu Nor Azilah Mohamad	104
Peranan Raja Ali Haji dalam Pertembungan Agama dan Politik di Alam Melayu	
Abu Hassan Sham	122
Pemikiran Raja Ali Haji Melalui Karya-karya Puisi	
Tatiana A. Denisova	174
Ketatanegaraan Melayu Kurun ke-19 Menerusi Pandangan Raja Ali Haji: Kajian Berasaskan Karya Sejarah <i>Tuhfat ul-Nafis</i>	
Norfazila Ab. Hamid	203
Rohaini Amin Zarina Abdullah Bahasa Melayu sebagai Wadah Dakwah dan Tarbiyah dari Kaca Mata Raja Ali Haji	

**PEMIKIRAN SEJARAH RAJA ALI HAJI
MENERUSI *TUHFAT AL-NAFIS*, KARYA ULUNG
KESULTANAN JOHOR-RIAU-LINGGA**

Arba'iyah Mohd Noor

ABSTRAK

Kesultanan Johor-Riau Lingga merupakan pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pernah menjadi tumpuan para ilmuwan dan cendekiawan sekitar abad ke-19. Banyak karya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan telah dihasilkan oleh para pengarang ketika itu. Antara mereka yang terkenal ialah Raja Ali Haji yang merupakan seorang tokoh yang begitu berjasa dalam aspek kepengarangan. Peranan dan sumbangan beliau begitu besar sekali bukan sahaja sebagai seorang penasihat agama kepada Yang Dipertuan Muda Riau malah sebagai ilmuwan dan penulis yang prolific dalam bidang sejarah, bahasa, agama, ketatanegaraan dan sebagainya. Kertas kerja ini akan membicarakan tentang pemikiran sejarah menerusi karya-karya sejarah Raja Ali Haji terutamanya *Tuhfat al-Nafis* sebagai karya ulung kesultanan Johor-Riau-Lingga. Perbincangan akan dimulakan dengan paparan serba sedikit mengenai latar belakang Raja Ali Haji bin Raja Ahmad dan karya sejarahnya iaitu *Silsilah Melayu dan Bugis* serta *Tuhfat al-Nafis*. Memandangkan kandungan awal kedua-dua buah karya ini hampir menyamai antara satu sama lain dan paparan kisah sejarah dalam *Tuhfat al-Nafis* menjangkau sehingga pertengahan abad ke-19, maka *Tuhfat al-Nafis* akan digunakan dengan melihat aspek pemikiran sejarah yang terdapat di dalamnya.

PENGENALAN

Secara umumnya, kesedaran sejarah secara lebih ketara boleh dikatakan berlaku seawal kedatangan Islam di rantau Alam Melayu lagi. Kisah-kisah sejarah yang terdapat di dalam al-Quran mahupun karya pensejarahan Islam yang tersebar di rantau ini mendorong pemerintah mahupun pengarang untuk melahirkan idea sejarah tempatan. Para pengarang atau sejarawan diperintahkan untuk memasukkan segala peristiwa yang telah berlaku di bawah pemerintahan setiap raja di samping memuatkan susur galur keturunan diraja dalam penulisan mereka sama ada dalam bentuk prosa riwayat atau puisi. Istana bukan sahaja tempat tumpuan intelektual Melayu tradisional menyampaikan ilmu malah sebagai tempat para pengarang istana mengarang atau menyalin karya Melayu, menulis surat-surat perutusan di samping tempat penyimpanan karya Melayu silam termasuk karya sejarah.¹

Tradisi kepengarangan ini berlaku hampir dalam semua kesultanan termasuk kesultanan Johor-Riau-Lingga sehingga abad ke-19. Terdapat begitu banyak karya yang telah dihasilkan oleh pengarang silam di Johor seperti *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Negeri Johor* dan lain-lain lagi. Tradisi kepengarangan Melayu ini kemudiannya melebar sehingga ke Riau dengan kemunculan keluarga diraja yang terlibat aktif dalam aktiviti penulisan. Antara pengarang awal Riau ialah Raja Ahmad, seorang tokoh politik dan ilmuwan terkenal yang terlibat dalam penulisan beberapa buah karya seperti *Syair Ungku Puteri*,² *Syair*

¹ Sila lihat bab satu Arba'iyah Mohd Noor, *Idea Sejarah Melayu: Kajian Berdasarkan Teks Sejarah Melayu, Misa Melayu dan Tuhfat al-Nafis*, tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

² *Syair Engku Puteri* yang dikarang pada 1844 (1260H) merupakan syair berbentuk sejarah yang secara ringkas mengisahkan mengenai perjalanan Engku Puteri dari Pulau Penyengat ke Lingga setelah mendapat perkhabaran bahawa abangnya, iaitu YDM Raja Jaafar